



PERBADANAN PEMBANGUNAN EKONOMI SABAH (SEDCO) PELAKSANAAN *DUE DILIGENCE* (KETEKUNAN WAJAR)

Bagi memenuhi keperluan Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (MS ISO 37001:2016), klausa 8.2, *Due Diligence* (Ketekunan Wajar), SEDCO akan melaksanakan *due diligence* iaitu proses ketekunan wajar atau semakan secara mendalam tahap risiko rasuah yang membolehkan organisasi membuat keputusan berhubung dengan urusan niaga tertentu, projek, aktiviti, rakan niaga perniagaan atau kakitangan.

SKOP *DUE DILIGENCE*

Pelaksanaan *due diligence* akan dilaksanakan pada perkara-perkara seperti berikut:

1. Transaksi-transaksi kategori spesifik, projek-projek atau aktiviti-aktiviti;
2. Perancangan atau hubungan yang berterusan dengan kategori yang spesifik dengan rakan perniagaan; atau
3. Kategori spesifik kakitangan dalam jawatan tertentu.

Justeru, mana-mana proses kerja yang berkaitan dengan perkara di atas akan dilaksanakan proses *due diligence* seperti berikut:

1. Semakan yang mendalam terhadap maklumat-maklumat yang berkaitan bagi menentukan tahap risiko rasuah yang wujud dalam pelaksanaan perkara tersebut; dan
2. Melaksanakan tindakan yang sewajarnya berdasarkan tahap risiko rasuah yang dikenal pasti.

Sebarang perkara yang jika dilaksanakan, boleh mendatangkan risiko rasuah yang tinggi perlu:

1. Dielakkan; atau
2. Jika dilaksanakan, perlu disekalikan dengan apa-apa tindakan yang boleh mengurangkan tahap risiko rasuah tersebut.